



SIARAN MEDIA KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR (PETRA)

KEMPEN GENG BIJAK TENAGA GALAK RAKYAT FAHAM PENGGUNAAN DAN URUS TENAGA SECARA LEBIH CEKAP

PUTRAJAYA, 3 September 2026 – Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) menyokong inisiatif Tenaga Nasional Berhad (TNB) melaksanakan Kempen Geng Bijak Tenaga, satu inisiatif pendidikan awam bagi membantu rakyat memahami bil dan corak penggunaan elektrik, di samping menggalakkan amalan penggunaan tenaga secara lebih bijak dan cekap.

Pelancaran kempen tersebut telah disempurnakan oleh YB Dato' Sri Haji Abdul Rahman bin Haji Mohamad, Timbalan Menteri PETRA semasa Sesi Perjumpaan Timbalan Menteri PETRA bersama Warga PETRA bagi Bulan September 2026 di Dewan Baiduri, Menara PETRA, Putrajaya hari ini.

Turut hadir semasa majlis ialah YBhg. Dato' Sri Haji Mad Zaidi bin Mohd Karli, Ketua Setiausaha PETRA; YBhg. Dato' Mohd Rodzwan bin Mohd Baba Sakri, Timbalan Ketua Setiausaha (Air) PETRA; YBhg. Dato' Mohd Norhisham bin Musa, Setiausaha Bahagian Kanan (Pengurusan) PETRA; YBhg. Datuk Ir. Ts. Shamsul bin Ahmad, Presiden/ Ketua Pegawai Eksekutif TNB serta pegawai-pegawai kanan kementerian dan agensi.

Kempen ini adalah sebahagian daripada usaha Kerajaan meningkatkan kesedaran rakyat terhadap kepentingan kecekapan tenaga ketika negara turut berdepan cabaran Krisis Bekalan Global (KBG) yang memberi tekanan kepada kos tenaga.

Selain itu, ia menggalakkan rakyat memahami dan memantau corak penggunaan elektrik di rumah serta menggunakan tenaga mengikut keperluan bagi mengurangkan penggunaan yang tidak diperlukan.

Sebagai sebahagian daripada kempen, pelanggan domestik TNB yang layak digalakkan untuk memantau dan mengekalkan penggunaan elektrik pada paras 600 kWj dan ke bawah sebulan bagi Oktober dan November 2026. Sasaran ini diharap dapat mendorong pelanggan domestik untuk lebih mengenali corak penggunaan elektrik di rumah dan mengenal pasti ruang untuk menggunakan tenaga dengan lebih cekap.

Bagi menggalakkan penyertaan dan perubahan tabiat penggunaan tenaga, kempen menyediakan insentif keseluruhan bernilai RM200,000 kepada 2,000 pelanggan domestik yang memenuhi terma, syarat dan kriteria ditetapkan, dengan setiap pelanggan menerima Touch 'n Go Reload PIN bernilai RM100.

Antara kriteria pemilihan ialah mengekalkan penggunaan elektrik pada paras 600 kWj dan ke bawah bagi dua bulan berturut-turut, mempunyai akaun TNB aktif sekurang-kurangnya 12 bulan, serta mencatat peratusan pengurangan penggunaan elektrik tertinggi berdasarkan perbandingan antara purata penggunaan dalam tempoh kempen dengan purata penggunaan dua bulan sebelumnya.

Selain insentif penyertaan, kempen ini memberi penekanan kepada pendidikan melalui perkongsian dan peringatan mengenai tabiat penggunaan tenaga bagi membantu rakyat membina amalan yang lebih cekap dalam kehidupan seharian.

Penggunaan tenaga secara bijak tidak bermaksud mengorbankan keselesaan, sebaliknya mengelakkan pembaziran dan menggunakan elektrik mengikut keperluan. Apabila diamalkan secara bersama di setiap rumah, perubahan kecil ini boleh memberi manfaat yang lebih besar kepada rakyat serta membantu penggunaan sumber tenaga negara secara lebih berhemah.

Pendaftaran kempen dibuka mulai 10 September 2026 kepada pelanggan domestik TNB yang layak. Untuk maklumat lanjut mengenai syarat penyertaan dan pendaftaran, sila layari laman web rasmi Geng Bijak Tenaga di www.gengbijaktenaga.my.

TNB akan menilai dan mengesahkan penggunaan elektrik peserta bagi Oktober dan November 2026, sebelum mengumumkan 2,000 penerima yang memenuhi kriteria kempen pada Disember ini.

PETRA berharap Kempen Geng Bijak Tenaga dapat meningkatkan kefahaman rakyat mengenai bil dan penggunaan elektrik serta membudayakan penggunaan tenaga secara lebih bijak dan cekap. Amalan mengelakkan pembaziran dan menggunakan elektrik mengikut keperluan bukan sahaja memberi manfaat kepada pengguna, malah menyumbang kepada penggunaan sumber tenaga negara secara lebih berhemah demi kesejahteraan bersama. Sedikit perubahan di setiap rumah, apabila dilakukan bersama, mampu membawa manfaat yang lebih besar kepada kesejahteraan rakyat dan negara.

KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR

3 SEPTEMBER 2026

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA)

Tel.: 03-8000 8000 | E-Mel: ukk@petra.gov.my



**MALAYSIA
MADANI**

PETRA



PETRAMALAYSIA

